

Oleh Mohd Zaini Othman  
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

# Rekaan 'arkitek muda' USIM diiktiraf

Model rumah yang memenuhi prinsip seni bina Islam dan patuh syariah.

Rekaan rumah berkonsepkan seni bina Islam hasil kreativiti sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dipilih TESCO Store (Malaysia) Sdn Bhd bagi menjayakan pembinaan rumah baharu untuk mangsa banjir di Kampung Belian dan Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.

Dihasilkan lapan pelajar program Seni Bina, Fakulti Sains dan Teknologi, USIM diketuai Luqman Hakim Yusof, rekaan berkonsep sistem modular itu menggunakan bahan binaan kitar semula dan bercirikan

mesra alam.

Selain Luqman Hakim, turut menjayakan rekaan itu

ialah Wan Mohd Azly Wan Mohamad, Bibi Nur Bashirah Baharun, Muhammad Izzat

Irfan Mustaffa, Mohd Farizal Zulkepli, Nasrin Majidina Ramli, Mohd Safuan Mohd

Fadzil dan Mohd Azry Hadi Abd Manan.

Lebih unik, rumah pasang siap itu turut memenuhi prinsip seni bina Islam dan patuh syariah seperti pintu masuk utama menghadap kiblat dan ruang dapur yang terlindung.

Ketua Pegawai Eksekutif TESCO Malaysia, Datuk George Fischer, berkata pembinaan rumah berkenaan sebahagian program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikatnya menerusi Projek Shelter TESCO.

## Lapan unit

Katanya, lapan unit rumah bernilai RM55,000 seunit, berkeluasan 740 kaki persegi dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu dan dapur ini sudah mula dibina dan dijangka siap Julai ini.

"Kos pembinaan dan kelengkapan rumah ini hasil dana dikumpul melalui 52 pasar raya TESCO seluruh Malaysia selain sumbangan pembekal, rakan perniagaan

dan dana TESCO Malaysia serta TESCO PLC United Kingdom," katanya pada majlis pelancaran rumah berkenaan dan majlis memorandum persefahaman (MoU) antara USIM dan TESCO di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek dan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Sementara itu, Prof Musa berkata, pemilihan model rumah pelajar USIM disifatkan sebagai satu pengiktirafan kepada kemampuan 'arkitek muda' USIM menghasilkan rekaan seni bina yang menepati cita rasa industri.

Katanya, kerjasama terjalin antara USIM dan TESCO bagi menjayakan Projek Shelter juga adalah permulaan yang baik bagi menangkat bidang kebitaraan USIM iaitu menjadi universiti yang menerajui integrasi ilmu naqli dan aqli.



Fischer (kiri) menyerahkan lukisan grafik model rumah rekaan pelajar USIM kepada Prof Musa disaksikan oleh Hasan (tengah).